

SOALAN NO. 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN)

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Madius Tangau (Tuaran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan perkembangan terkini tentang pemberian program 1AZAM bagi kawasan Tuaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan berpendapatan rendah. Dalam hal ini, Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara: Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus dipergiat untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan. Program 1AZAM melibatkan kerjasama antara KPWKM bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang lain menerusi AZAM Niaga, AZAM Khidmat, AZAM Tani dan AZAM Kerja. Program 1AZAM yang bermula dari tahun 2010 telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 140,976 orang hingga 31 Januari 2014.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan Program 1AZAM di negeri Sabah diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah bersama agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Justeru, permohonan Program

1AZAM di negeri Sabah termasuk Tuaran boleh dikemukakan kepada pejabat daerah dan agensi kerajaan yang telah dikenal pasti mengikut bidang yang diperlukan.

Bagi program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat KPWKM hingga Disember 2013, sejumlah 100 orang peserta di Parlimen Tuaran telah mendapat manfaat. Dalam hal ini, 33 orang peserta telah menghadiri Kursus Literasi Kewangan pada 21 Julai 2013 dan dijangka akan menerima bantuan peralatan 1AZAM pada bulan November 2014.